

NOTIS SEBUTHARGA PERKHIDMATAN JABATAN KERJA RAYA JOHOR (SEBUT HARGA)

- Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Pendaftaran Syarikat Bumiputera (SAPSB) dalam bidang yang dinyatakan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini seperti jadual dibawah:-

BIL	TAJUK KERJA	KELAS, KATEGORI & PENGKHUSUSAN / BIDANG	TARIKH JUALAN DOKUMEN	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH & MASA TUTUP
1.	No. Sebut Harga: JKRJ/SH/NEG/SA/25/2026 PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP BERKALA SERTA KERJA BERKAITAN BAGI TEMPOH 1 TAHUN (12 BULAN) UNTUK TAHUN 2026 – 2027 DI BANGUNAN SULTAN IBRAHIM, BUKIT TIMBALAN, JOHOR BAHRU.	Pengkhususan: Kod Bidang 221002 (Membersih Kawasan)	12/08/2026 (Rabu) sehingga 19/08/2026 (Rabu)	RM50.00 Secara atas talian	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Johor, Tingkat 5, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak, Kota Iskandar, 79582 Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim 20/08/2026 (Khamis) 12.00 Tengahari

- Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera (SAPSB) dalam Kod Bidang 221002 (Membersih Kawasan).
- Borang Sebut Harga boleh didapati dari tarikh **12hb Ogos, 2026 (Rabu)** selepas Taklimat Wajib hingga **19hb Ogos, 2026 (Rabu)** di Pejabat Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 5, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak, Kota Iskandar, 79582 Iskandar Puteri, Johor dengan membuat pembayaran '**Online**' berharga **RM50.00** dan slip pembayaran di emel ke alamat emel: onlinepayment.jkrha@johor.gov.my. Kontraktor-kontraktor yang layak sahaja akan diberikan maklumat untuk membuat pembayaran 'Online' tersebut.
- Kehadiran Taklimat adalah **diwajibkan** bagi menggantikan lawatan tapak. Taklimat akan diadakan pada **19hb Ogos, 2026 (Rabu)** pada jam 11.30 pagi. Taklimat akan hanya diadakan sekali sahaja. Kontraktor dikehendaki berkumpul di Bilik Mesyuarat, Pejabat Bahagian Senggara Aset Negeri, Bangunan C1S, Kota Iskandar, 79582 Iskandar Puteri, Johor pada tarikh dan masa yang ditetapkan.
- Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, kontraktor dikehendaki membawa perakuan / sijil ASAL **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SAPS)** yang dikeluarkan **Kementerian Kewangan Malaysia** beserta satu Salinan perakuan / sijil tersebut. Walau bagaimanapun bagi kontraktor yang tidak dapat hadir, seorang wakil dengan membawa **surat wakil asal** dibenarkan untuk mewakili satu syarikat sahaja samada untuk hadir Taklimat Wajib atau untuk proses Pembelian Sebutharga tersebut.
- Borang Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di PEJABAT PENGARAH KERJA RAYA (BAHAGIAN UKUR BAHAN), TINGKAT 5, BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK, KOTA ISKANDAR, 79582 ISKANDAR PUTERI, JOHOR **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, 20hb Ogos, 2026 (Khamis)**. Penyerahan Dokumen Sebut Harga secara pos yang diterima selepas dari tarikh tutup yang dinyatakan **tidak akan dipertimbangkan**.
- Kontraktor atau wakil kontraktor yang sah hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan wabak COVID-19 terkini dan penjarakan sosial sepertimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) ketika proses penyerahan dokumen Sebut Harga secara manual ke pejabat ini.

Nama Penandatangan :
Jawatan :
Tarikh : **4/8/26**

Tandatangan

H. KALAM BIN MOHD NOR
JURUTERA AWAM KANAN
BAHAGIAN SENGGERA ASET NEGERI
JABATAN KERJA RAYA JOHOR